



RUU Perbekalan berjumlah RM7.184 bilion dibentang kali pertama di Dewan Rakyat

PETIKAN AKHBAR | 21 JULAI 2020



KUALA LUMPUR, 21 Julai – Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020 dibentangkan di persidangan Dewan Rakyat buat kali pertama hari ini bagi memohon perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun ini sebanyak RM7,184,083,200.

RUU tersebut dibentangkan oleh Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz. Bacaan kali kedua RUU itu akan turut dibentang pada sesi Dewan Rakyat kali ini.

Permohonan peruntukan tersebut adalah berikutan penyusunan semula beberapa kementerian, penubuhan beberapa kementerian baharu dan pembubaran satu kementerian selaras dengan pembentukan kabinet baharu pada 10 Mac 2020.

Perbelanjaan tambahan itu dimohon untuk Jabatan Perdana Menteri iaitu sebanyak RM310,621,700, Perbendaharaan (RM17,253,000) dan Perkhidmatan Am Perbendaharaan (RM2,405,900).

Peruntukan itu juga adalah bagi Kementerian Perpaduan Negara (RM240,452,000), Kementerian Luar Bandar (RM189,165,000), Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (RM102,603,900) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (RM10,000,000).



Bernama

[Siaran Media](#)

[Koleksi Ucapan](#)

[Petikan Akhbar](#)

[Foto](#)

[Video](#)

[Pengumuman](#)

POPULAR TAGS

- [BERNAMA](#)
- [HARGA MINYAK](#)
- [PRICE OF PETROLEUM](#)
- [TENGKU ZAFRUL](#)
- [BANTUAN PRIHATIN NASIONAL](#)
- [KWSP](#)
- [I-SINAR](#)
- [SINAR HARIAN](#)
- [JELAJAH BELANJAWAN 2021](#)
- [PRIHATIN MOF](#)
- [PERMAI](#)
- [BERITA HARIAN](#)